

Pertahankan Tanahair Sekalipun Dengan Nyawa - Almarhum Tunku

"Pertahankan tanahair sekalipun dengan nyawa," begitulah seruan *Bapa Kemerdekaan* dan Perdana Menteri Pertama, Al marhum Tunku Abdul Rahman Putra kepada murid-murid sekolah di satu majlis Hari Ibu Bapa pada tahun 1968. Tunku berucap sedemikian dalam majlis yang turut dihadiri sama oleh Menteri Pelajaran ketika itu, Encik Mohd. Khir Johari (*Tan Sri*) dan Menteri Pertanian dan Syarikat Kerjasama, Encik Haji Ghazali Jawi (*Tan Sri*) iaitu bapa kepada Menteri Besar Perak kini Datuk Seri Tajol Rosli.

Tunku yang ditemani oleh isterinya, Puan Sharifah Rodziah (*Tun*) mengingatkan murid-murid dengan berkata, "Malaysia ada lah sebuah negara yang muda dan adalah menja di tanggungjawab kita untuk menjaga dan mem perkuatkannya supaya negara kita kuat dan di hormati".

Begitulah semangat Tunku yang cuba disun tikan kepada murid-murid sekolah supaya me reka menjadi warga ne gara yang bertanggung jawab dan sanggup mem pertahankan bangsa dan negara.

"Malaysia adalah sebuah negara yang muda dan adalah menjadi tanggungjawab kita untuk menjaga dan memperkuatkannya supaya negara kita kuat dan dihormati".
- Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra AlHaj

>
Keratan akhbar Utusan
Mekayu bertarikh 12 April
1968 yang menyiarkan
ucapan almarhum Tunku

